



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MKBM

Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu

#108 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

- ☒ Teknik PdP kemahiran Bahasa Melayu berdasarkan DSKP
- ☒ Latihan untuk menjana idea dalam kemahiran menulis



ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Langkah Pelaksanaan	2
Panduan Guru – TIK & THINK	3
Panduan Guru – TOHUCOKEP	6
Panduan Guru - KECAHA	11
Karangan Contoh	12
Latihan	13
Lampiran Borang Merangka Karangan	19
Lampiran Borang Menjana Idea	20
Contoh Penanda Wacana	22
RPH Contoh	23
Teknik WaTAK	24



MANUAL KECEMERLANGAN BAHASA MELAYU

TIK
THINK
ToHuCoKeP
KeCaHa





PdP DALAM KELAS

Menyediakan RPH dan BBB yang bersesuaian dengan teknik yang digunakan.



KENAL PASTI TIK

Memastikan murid dapat mengenal pasti **Tema (T)**, **Isu (I)** dan **Kehendak (K)** menggunakan **Teknik TIK** berdasarkan soalan karangan yang diberikan.



MEMBINA RANGKA KARANGAN

Melengkapkan jadual rangka karangan yang terdiri daripada Pendahuluan (TIK), 3 hingga 4 isi (**ToHuCoKeP**) dan Penutup (**KeCaHa**).



MEMBINA PERENGKAN PENDAHULUAN

Menulis perenggan pendahuluan dengan menggunakan Teknik **THINK**.




MENGEMBANGKAN PERENGKAN ISI

Menulis **Ayat Topik**, **Ayat Huraian**, **Ayat Contoh**, **Ayat Kesan** dan **Ayat Penegasan**, iaitu dengan Teknik **ToHuCoKeP**.



MEMBINA PERENGKAN PENUTUP

Membina **Ayat Kesimpulan (Ke)**, **Ayat Cadangan (Ca)** dan **Ayat Harapan (Ha)**, iaitu Teknik **KeCaHa** sebagai penutup karangan.



Pengenalan

Teknik TIK merupakan satu kaedah holistik dalam pembinaan karangan lengkap yang memerlukan murid mengenal pasti tema/tajuk (T), isu (I) dan kehendak (K) soalan. Kefahaman murid tentang TIK memudahkan perenggan pendahuluan dibina dan membolehkan penjana idea dilaksanakan dengan tepatnya dan bernas. Seterusnya, perenggan penutup juga dapat dibina melalui **Teknik KeCaHa** dengan berdasarkan penghayatan tentang **TIK**.



Baca dan fahami soalan karangan yang diberikan. Kenal pasti kata kunci soalan.

soalan contoh:

Setiap remaja mempunyai hobi tersendiri bagi memenuhi minat dan mendapat keseronokan. Ada hobi yang percuma dan ada pula yang memerlukan perbelanjaan. Aktiviti riadah ini akan mendatangkan kesan yang mendalam kerana hobi memastikan masa remaja digunakan sebaik-baiknya untuk belajar, keluarga, berhibur dan beriadah.

Sumber: *Dewan Siswa*, Oktober 2016

Sebagai respons terhadap kandungan petikan di atas, setiap remaja mempunyai hobi dan bermanfaat jika dilakukan secara betul dan berterusan.

Beri komen anda.



Analisis TIK

Murid sebaik-baiknya perlu mengenal pasti tema yang mendasari soalan yang diberikan. Tema/Tajuk perlu dibezakan dengan isu. Tema/Tajuk merujuk bidang manakala isu biasanya merujuk masalah.

TEMA/TAJUK	<i>Hobi bermanfaat</i>	T
ISU	<i>Remaja tidak gemar memilih hobi yang bermanfaat</i>	I
KEHENDAK	<i>Komen terhadap hobi bermanfaat</i>	K



Membina kerangka karangan

Kerangka karangan contoh:

Pendahuluan (TIK)	Tema/Tajuk	<i>Hobi bermanfaat</i>
	Isu	<i>Murid tidak gemar memilih hobi yang bermanfaat</i>
	Kehendak Soalan	<i>Komen terhadap hobi bermanfaat</i>
*Isi 1	<i>Belajar: Hobi membaca - menambah ilmu pengetahuan</i>	
Isi 2	<i>Keluarga: Hobi bercucuk tanam - mengeratkan silaturahim</i>	
Isi 3	<i>Berhibur: Hobi menonton filem - mengurangkan tekanan</i>	
Isi 4	<i>Beriadah: Bersukan - menyihatkan tubuh badan</i>	
Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	<i>Terdapat banyak hobi yang bermanfaat</i>
	Cadangan	<i>Remaja bijak memilih hobi</i>
	Harapan	<i>Semoga remaja menggunakan masa sebaik-baiknya.</i>

* Guru perlu membimbing murid untuk membina kerangka karangan **mengikut aras murid**.

NOTA TAMBAHAN

- ☐ Kerangka karangan perlu dibina sebelum memulakan penulisan karangan.
- ☐ Kerangka karangan membantu murid menjawab tugas dengan baik.
- ☐ Jangan abaikan isi penting yang terdapat dalam stimulus atau bahan rangsangan.
- ☐ Murid perlu menyusun isi mengikut keutamaan dalam kerangka karangan.
- ☐ Murid diberi kebebasan untuk membina karangan mengikut pilihan mereka.



Menulis pendahuluan dengan teknik THINK
Teknik THINK dikembangkan daripada analisis TIK dalam kerangka soalan. Gunakan Borang Kerangka THINK seperti di bawah:

PENJELASAN		CONTOH AYAT
T	T ema/ T ajuk	<i>Hobi bermanfaat amat penting dalam kehidupan remaja dan mendatangkan kesan yang mendalam jika dilakukan secara betul dan berterusan.</i>
H	H uraian Tema	<i>Hobi merupakan aktiviti yang dapat menjauhkan remaja daripada gejala sosial.</i>
I	I su	<i>Remaja pada hari ini tidak gemar untuk memilih hobi yang bermanfaat.</i>
N	Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Hobi yang kurang bermanfaat telah menyebabkan pembaziran masa.</i>
K	K ehendak soalan	<i>Sebagai remaja, kita hendaklah memilih hobi yang mendatangkan pelbagai manfaat dalam kehidupan.</i>



Gabung ayat pendahuluan
Murid membina perenggan pendahuluan dengan menggabungkan ayat dalam Borang Kerangka **THINK**. Penanda wacana yang sesuai perlu digunakan untuk merangkaikan ayat-ayat bagi memastikan wujudnya ciri kohesi dan koheran dalam ayat (kesinambungan ayat).

Contoh ayat pendahuluan menggunakan teknik THINK adalah seperti yang berikut:

(T) Hobi bermanfaat amat penting dalam kehidupan remaja dan mendatangkan kesan yang mendalam jika dilakukan secara betul dan berterusan.(H) **Hal ini dikatakan demikian kerana** hobi merupakan aktiviti yang dapat menjauhkan remaja daripada gejala sosial. (I) **Namun demikian**, remaja pada hari ini tidak gemar untuk memilih hobi yang bermanfaat. (N) **Sebagai natijahnya**, hobi yang kurang bermanfaat telah menyebabkan pembaziran masa.(K) **Oleh sebab itu**, sebagai remaja, kita hendaklah memilih hobi yang mendatangkan pelbagai manfaat dalam kehidupan .



Menjanakan perenggan isi (ToHuCoKeP *)

Untuk membina perenggan isi, teknik “ToHuCoKeP” boleh digunakan. Murid perlu membina **lima** ayat yang terdiri daripada Ayat **Topik**, Ayat **Huraian**, Ayat **Contoh**, Ayat **Kesan** dan Ayat **Penegas** seperti jadual di bawah.

Gunakan penanda wacana yang bersesuaian bagi setiap binaan ayat.

Ayat 1

[Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)]

Ayat 2

[Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)]

Ayat 3

(Ayat **C**ontoh)

Ayat 4

(Ayat **K**esan)

Ayat 5

(Ayat **P**enegas)



Murid disarankan untuk membina sekurang-kurang tiga (3) perenggan isi dengan menggunakan Teknik ToHuCoKeP.



Gunakan Borang Kerangka ToHuCoKeP seperti di bawah:

Contoh ayat perenggan **isi 1**: menambah ilmu pengetahuan

ISI
1

Ayat 1

[Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)]

Pada pendapat saya, remaja yang memilih hobi membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan.

Ayat 2

[Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)]

Hal ini dikatakan demikian kerana remaja dapat memperoleh pelbagai maklumat baharu apabila memilih bahan bacaan yang bermanfaat.

Ayat 3

(Ayat **Contoh**)

Sebagai contoh, pemilihan bahan bacaan fiksiyen dan bukan fiksiyen.

Ayat 4

(Ayat **Kesan**)

Impaknya, remaja dapat menambah ilmu dalam pelbagai bidang.

Ayat 5

(Ayat **Penegas**)

Jelaslah bahawa, remaja yang memilih hobi membaca dapat menambah ilmu pengetahuan.

Hasilnya..

***Pada pendapat saya**, remaja yang memilih hobi membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan. **Hal ini dikatakan demikian kerana** remaja dapat memperoleh pelbagai maklumat baharu apabila memilih bahan bacaan yang bermanfaat. **Sebagai contoh**, pemilihan bahan bacaan fiksiyen dan bukan fiksiyen. **Impaknya**, remaja dapat menambah ilmu dalam pelbagai bidang. **Jelaslah bahawa**, remaja yang memilih hobi membaca dapat menambah ilmu pengetahuan.*



Gunakan Borang Kerangka ToHuCoKeP seperti di bawah:

Contoh ayat perenggan **isi 2: mengeratkan hubungan silaturahim**

ISI
2

Ayat 1

[Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)]

Selain itu, remaja yang memilih hobi bercucuk tanam dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli keluarga.

Ayat 2

[Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)]

Hal ini dikatakan demikian kerana sewaktu aktiviti bercucuk tanam, remaja dan ahli keluarga akan bekerjasama antara satu sama lain.

Ayat 3

(Ayat **C**ontoh)

Misalnya, remaja boleh menanam sayur-sayuran di kawasan rumah.

Ayat 4

(Ayat **K**esan)

Kesannya, hasil tanaman dapat dinikmati bersama-sama ahli keluarga.

Ayat 5

(Ayat **P**enegas)

Tuntasnya, remaja yang memilih hobi bercucuk tanam dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli keluarga.

Hasilnya..

***Selain itu,** remaja yang memilih hobi bercucuk tanam dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli keluarga. **Hal ini dikatakan demikian kerana** sewaktu aktiviti bercucuk tanam, remaja dan ahli keluarga akan bekerjasama antara satu sama lain. **Misalnya,** remaja boleh menanam sayur-sayuran di kawasan rumah. **Kesannya,** hasil tanaman dapat dinikmati bersama-sama ahli keluarga. **Tuntasnya,** remaja yang memilih hobi bercucuk tanam dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli keluarga.*



Gunakan Borang Kerangka **ToHuCoKeP** seperti di bawah:

Contoh ayat perenggan **isi 3: dapat mengurangkan tekanan**

ISI
3

Ayat 1

[**Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)]

Seterusnya, remaja yang memilih hobi untuk menonton filem dapat mengurangkan tekanan.

Ayat 2

[**Ayat Huraian** (mengapa/sebab)]

Hal ini dikatakan demikian kerana filem mempunyai pelbagai unsur hiburan yang menarik.

Ayat 3

(**Ayat Contoh**)

Sebagai contoh, filem Komedi Hantu Kak Limah yang ditayangkan melalui televisyen boleh menghiburkan remaja.

Ayat 4

(**Ayat Kesan**)

Impaknya, remaja dapat menghiburkan diri dengan menonton filem terutamanya ketika mereka mengalami tekanan.

Ayat 5

(**Ayat Penegas**)

Jelaslah bahawa, remaja yang memilih hobi untuk menonton filem dapat mengurangkan tekanan.

Hasilnya..

***Seterusnya**, remaja yang memilih hobi untuk menonton filem dapat mengurangkan tekanan. **Hal ini dikatakan demikian kerana** filem mempunyai pelbagai unsur hiburan yang menarik. **Sebagai contoh**, filem Komedi Hantu Kak Limah yang ditayangkan melalui televisyen boleh menghiburkan remaja. **Impaknya**, remaja dapat menghiburkan diri dengan menonton filem terutamanya ketika mereka mengalami tekanan. **Jelaslah bahawa** remaja yang memilih hobi untuk menonton filem dapat mengurangkan tekanan.*



Gunakan Borang Kerangka ToHuCoKeP seperti di bawah:

Contoh ayat perenggan **isi 4: dapat menyihatkan tubuh badan**

ISI
4

Ayat 1

[Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)]

Akhir sekali, remaja yang gemar memilih hobi bersukan dapat menyihatkan tubuh badan.

Ayat 2

[Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)]

Hal ini dikatakan demikian kerana filem mempunyai pelbagai unsur hiburan yang menarik.

Ayat 3

(Ayat **C**ontoh)

Sebagai contoh, remaja boleh berjoging pada waktu petang.

Ayat 4

(Ayat **K**esan)

Impaknya, remaja dapat mengeluarkan toksin dalam badan apabila memilih hobi bersukan.

Ayat 5

(Ayat **P**enegas)

Jelaslah bahawa remaja yang gemar memilih hobi bersukan dapat menyihatkan tubuh badan.

Hasilnya..

Akhir sekali, remaja yang gemar memilih hobi bersukan dapat menyihatkan tubuh badan. **Hal ini dikatakan demikian kerana** remaja dapat mengeluarkan peluh dengan aktiviti bersukan. **Sebagai contoh**, remaja boleh berjoging pada waktu petang. **Impaknya**, remaja dapat mengeluarkan toksin dalam badan apabila memilih hobi bersukan. **Jelaslah bahawa** remaja yang gemar memilih hobi bersukan dapat menyihatkan tubuh badan.



Membina perenggan penutup

Membina **Ayat Kesimpulan (Ke)**, **Ayat Cadangan (Ca)** dan **Ayat Harapan (Ha)**, iaitu Teknik **KeCaHa** sebagai penutup karangan.

Ke (Kesimpulan berdasarkan Kehendak soalan):

Ayat yang pertama ialah Ayat **Kesimpulan**. Ayat Kesimpulan dibina dengan berdasarkan **Kehendak** soalan yang telah dikenal pasti dalam analisis TIK. Jika **Kehendak** soalnya “kesan-kesan pencemaran alam”, maka Ayat Kesimpulannya yang sesuai ialah “Kesimpulannya, terdapat banyak kesan daripada pencemaran alam sekitar”.

Ca (Cadangan):

Ayat yang kedua ialah Ayat **Cadangan**. Penanda Ayat Cadangan ialah ayat ini mesti mengandungi kata bantu seperti *mestilah*, *haruslah*, *hendaklah*, *wajarlal*, *perlulah* dan sebagainya. Lantaran itu, murid hendaklah menulis ayat “*siapa* mestilah **membuat apa**” dalam ayat ini.

Ha (Harapan):

Ayat yang ketiga ialah Ayat **Harapan**. Penanda Ayat Harapan ialah kata-kata seperti *berharap agar*, *berdoa semoga*, *mudah-mudahan* dan seumpamanya untuk menyatakan harapan murid.

Gunakan Borang Kerangka **KeCaHa** seperti di bawah:

Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	<i>Kesimpulannya, hobi akan mendatangkan kesan yang mendalam kerana hobi memastikan masa remaja digunakan sebaik-baiknya untuk belajar, keluarga, berhibur dan beriadah.</i>
	Cadangan	<i>Oleh itu, remaja harus bijak memilih hobi dan melakukannya dengan betul dan berterusan untuk memperoleh manfaat kepada dirinya.</i>
	Harapan	<i>Saya berharap semoga pemilihan hobi dapat memberi keseronokan dan memenuhi minat remaja.</i>

Hasilnya..

Kesimpulannya, hobi akan mendatangkan kesan yang mendalam kerana hobi memastikan masa remaja digunakan sebaik-baiknya untuk belajar, keluarga, berhibur dan beriadah. **Oleh itu**, remaja harus bijak memilih hobi dan melakukannya dengan betul dan berterusan untuk memperoleh manfaat kepada dirinya. **Saya berharap semoga** pemilihan hobi dapat memberi keseronokan dan memenuhi minat remaja.

Karangan contoh hasil teknik THINK, ToHuCoKeP dan KeCaHa.

THINK

Hobi bermanfaat amat penting dalam kehidupan remaja dan mendatangkan kesan yang mendalam jika dilakukan secara betul dan berterusan. Hobi merupakan aktiviti yang dapat menjauhkan remaja daripada gejala sosial. Remaja pada hari ini tidak gemar untuk memilih hobi yang bermanfaat. Hobi yang kurang bermanfaat telah menyebabkan pembaziran masa. Sebagai remaja, kita hendaklah memilih hobi yang mendatangkan pelbagai manfaat dalam kehidupan.

Pada pendapat saya, remaja yang memilih hobi membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan. **Hal ini dikatakan demikian kerana** remaja dapat memperoleh pelbagai maklumat baharu apabila memilih bahan bacaan yang bermanfaat. **Sebagai contoh**, pemilihan bahan bacaan fiksi dan bukan fiksi. **Impaknya**, remaja dapat menambah ilmu pelbagai dalam bidang. **Jelaslah bahawa** remaja yang memilih hobi membaca dapat menambah ilmu pengetahuan.

Selain itu, remaja yang memilih hobi bercucuk tanam dapat mengeratkan hubungan silaturahmi sesama ahli keluarga. **Hal ini dikatakan demikian kerana** sewaktu aktiviti bercucuk tanam, remaja dan ahli keluarga akan bekerjasama antara satu sama lain. **Sebagai contoh**, remaja boleh menanam sayur-sayuran di kawasan rumah. **Impaknya**, hasil tanaman dapat dinikmati bersama-sama ahli keluarga. **Jelaslah bahawa** remaja yang memilih hobi bercucuk tanam dapat mengeratkan hubungan silaturahmi sesama ahli keluarga.

Seterusnya, remaja yang memilih hobi untuk menonton filem dapat mengurangkan tekanan. **Hal ini dikatakan demikian kerana** filem mempunyai pelbagai unsur hiburan yang menarik. **Sebagai contoh**, filem Komedi Hantu Kak Limah yang ditayangkan melalui televisyen boleh menghiburkan remaja. **Impaknya**, remaja dapat menghiburkan diri dengan menonton filem terutamanya ketika mereka mengalami tekanan. **Jelaslah bahawa** remaja yang memilih hobi untuk menonton filem dapat mengurangkan tekanan.

Akhir sekali, remaja yang gemar memilih hobi bersukan dapat menyihatkan tubuh badan. **Hal ini dikatakan demikian kerana** remaja dapat mengeluarkan peluh dengan aktiviti bersukan. **Sebagai contoh**, remaja boleh berjoging pada waktu petang. **Impaknya**, remaja dapat mengeluarkan toksin dalam badan apabila memilih hobi bersukan. **Jelaslah bahawa** remaja yang gemar memilih hobi bersukan dapat menyihatkan tubuh badan.

Kesimpulannya, hobi akan mendatangkan kesan yang mendalam kerana hobi memastikan masa remaja digunakan sebaik-baiknya untuk belajar, keluarga, berhibur dan beriadah. **Oleh itu**, remaja harus bijak memilih hobi dan melakukannya dengan betul dan berterusan untuk memperoleh manfaat kepada dirinya. **Saya berharap semoga** pemilihan hobi dapat memberi keseronokan dan memenuhi minat remaja.

ToHuCoKeP

KeCaHa


Malaysia kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Permainan tradisional seperti congkak, gasing, dan galah panjang dimainkan oleh masyarakat dahulu sebagai pengisi masa lapang. Sayangnya permainan tradisional yang menunjukkan kebudayaan sesuatu tempat itu mula terpinggir sedikit demi sedikit terpinggir dengan perkembangan pesat teknologi gajet dan penambahan aplikasi permainan secara maya.

Metro Online, 31 Julai 2019

Petikan akhbar di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan nasib permainan tradisional yang semakin dipinggirkan oleh masyarakat. Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk memartabatkan permainan tradisional semula. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi menggalakkan masyarakat agar mengenali dan bermain permainan tradisional. Tajuk rencana tersebut ialah 'Usaha-usaha Pelbagai Pihak untuk Memartabatkan Permainan Tradisional dalam Kalangan Masyarakat'.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

CADANGAN ISI PENTING



sumber: KCMS m/s 37


Amalan berjimat cermat amat digalakkan dalam kehidupan. Peribahasa Melayu mengatakan “Ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis”, amatlah tepat diamalkan dalam kehidupan kita seharian. Sehubungan dengan itu, amalan berjimat cermat sudah pasti akan melahirkan masyarakat yang bijak dan progresif. Kita juga diingatkan supaya tidak boros dalam perbelanjaan dan bersikap sederhana dalam hidup.

Sumber: Internet

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan amalan berjimat cermat dalam kalangan rakyat Malaysia.

Bincangkan.

CADANGAN ISI PENTING





BAHAGIAN A 30 MARKAH

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan membaca.

Huraikan pendapat anda tentang **amalan membaca dalam kalangan masyarakat**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.



DBKL wujudkan 600 kios buku sempena KLBBC 2020

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mewujudkan 600 kios buku di sekitar ibu negara sempena program Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLBBC2020) bermula 23 April sehingga 22 April, 2021.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata kini terdapat lebih 60 kios buku di kawasan strategik dan lokasi tumpuan di ibu negara termasuk di KLCC, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India yang membabitkan kos keseluruhan RM750,000.

"Setiap kios ini berjumlah antara RM7,000 dan RM12,000 mengikut saiz dan reka bentuk. Oleh itu, orang awam disaran menggunakan perkhidmatan ini secara berhemah dan sematkan budaya membaca walau di mana jua berada," katanya.

Menurut Nor Hisham, penyediaan kios buku ini bertujuan membentuk masyarakat kota berilmu yang sentiasa membudayakan amalan membaca.

"KLBBC2020 bukanlah satu kemegahan, sebaliknya kita mahu semua orang membaca untuk sepanjang hayat. Itu adalah matlamat kita dan program itu bukan hanya berlangsung

di Kuala Lumpur, sebaliknya di seluruh negara," katanya yang turut mengalu-alukan kerjasama semua pihak untuk menyumbang bahan bacaan demi manfaat bersama.

Kini diperluaskan


Sementara itu, Nor Hisham berkata perkhidmatan bas perpustakaan bergerak atas inisiatif Perpustakaan Kuala Lumpur itu dapat memuatkan sehingga 1,500 naskhah buku, kini diperluaskan ke penduduk di taman-taman perumahan sekitar ibu kota.

"Kita tidak lagi menunggu komuniti kota pergi ke per-

pustakaan tetapi, kita bawa buku dan perpustakaan kepada penduduk," katanya.

Tambahnya, empat unit bas perpustakaan itu akan bergerak ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sekitar Bukit Jalil, Perkasa, Raya Permai dan Sri Johor.

Selain buku, perpustakaan bas yang mula dilaksanakan pada awal 1990-an dengan tumpuan di sekolah itu turut menyediakan kemudahan buku elektronik (e-book), komputer, pangkalan data, talian wi-fi percuma, ruang aktiviti dan khidmat nasihat. BERNAMA



Nor Hisham Ahmad Dahlan

Langkah 1 : Bina PENDAHULUAN menggunakan teknik TIK

TEMA/TAJUK	Pendidikan
ISU	Membaca jambatan ilmu membawa pengertian bahawa amalan membaca perlu dibudayakan dalam kehidupan masyarakat demi kecemerlangan masa depan seseorang.
KEHENDAK	Oleh itu, pelbagai langkah perlu kita ambil untuk memupuk amalan membaca.



Langkah 2 : Bina 3 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

ISI
1

Ayat 1
(To)

Ayat **Topik**

Pemupukan amalan membaca perlu bermula dari rumah melalui teladan ibu bapa.

Ayat 2
(Hu)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Ibu bapa yang membaca sudah pasti akan melahirkan anak yang akan mengisi setiap masa lapang mereka dengan aktiviti membaca bak kata peribahasa bagaimana acuan begitulah kuihnya.

Ayat 3
(Co)

Ayat **Contoh**

Ibu bapa disarankan mengajak anak-anak untuk membaca surat khabar atau majalah bersama-sama dengan mereka pada waktu senggang.

Ayat 1
(To)

Ayat **Topik**

Langkah untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat adalah dengan menyertai pertandingan membaca yang dianjurkan oleh pelbagai pihak.

Ayat 2
(Hu)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Hadiah yang ditawarkan sebaik-baiknya menarik minat setiap golongan masyarakat di samping memenuhi keperluan pendidikan atau kerjaya mereka pada musim pandemik ini.

Ayat 3
(K)

Ayat **Kesan**

Setiap individu akan teruja untuk menyertai pertandingan membaca dan merealisasikan hasrat membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

ISI
2

Ayat 1
(To)

Ayat **Topik**

Dalam pada itu, DBKL telah mewujudkan 600 kios bersempena dengan program Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020).

Ayat 2
(Hu)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, terdapat lebih 60 kios buku diwujudkan di kawasan strategik di ibu negara termasuk KLCC, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India yang membabitkan kos keseluruhan RM750,000.

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Situasi ini sudah pasti mampu menyemai minat membaca dalam kalangan warga kota.

Langkah 3 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan	<i>Kesimpulannya, semua pihak sewajarnya mengambil langkah sederhana dalam usaha membudayakan amalan membaca kerana bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi.</i>	Ke
Cadangan		Ca
Harapan	<i>Kita berharap semoga segala yang dirancang bakal membuahkan hasil yang mampu membangunkan negara.</i>	Ha



Murid bebas memilih untuk menggunakan mana-mana ayat huraian / kesan / contoh / penegas berdasarkan **ToHuCoKeP**.

- **ToHuCo**
- **ToCoKe**

Karangan contoh hasil teknik **TIK**, **ToHuCoKeP** dan **KeCaHa**.

Membaca jambatan ilmu membawa pengertian bahawa amalan membaca perlu dibudayakan dalam kehidupan masyarakat demi kecemerlangan masa depan seseorang. Oleh itu, pelbagai langkah perlu kita ambil untuk memupuk amalan membaca.

Pemupukan amalan membaca perlu bermula dari rumah melalui teladan ibu bapa. Tidak dapat dinafikan bahawa, ibu bapa yang membaca sudah pasti akan melahirkan anak yang akan mengisi setiap masa lapang mereka dengan aktiviti membaca bak kata peribahasa bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sebagai contoh, ibu bapa disarankan mengajak anak-anak untuk membaca surat khabar atau majalah bersama-sama dengan mereka pada waktu senggang.

Seterusnya, pemupukan amalan membaca dalam kalangan masyarakat adalah dengan menyertai pertandingan membaca yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Dalam konteks ini, hadiah yang ditawarkan sebaik-baiknya menarik minat setiap golongan masyarakat di samping memenuhi keperluan pendidikan atau kerjaya mereka pada musim pandemik ini. Impaknya, setiap individu akan teruja untuk menyertai pertandingan membaca dan merealisasikan hasrat membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Dalam pada itu, DBKL telah mewujudkan 600 kios bersempena dengan program Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020). Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, terdapat 60 kios buku diwujudkan di kawasan strategik di ibu negara termasuk di KLCC, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India yang membabitkan kos keseluruhan RM750,000. Situasi ini sudah pasti mampu menyemai minat membaca dalam kalangan warga kota.

Kesimpulannya, semua pihak sewajarnya mengambil langkah sederhana dalam usaha membudayakan amalan membaca kerana bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi. Kita berharap semoga segala yang dirancang bakal membuahkan hasil yang mampu membangunkan negara.

(204 patah perkataan)

Analisis soalan, dan kenal pasti TIK

1

TEMA/TAJUK

T

ISU

I

KEHENDAK

K

Bina rangka karangan

2

Pendahuluan (TIK)	Tema/Tajuk	
	Isu	
	Kehendak Soalan	
*Isi 1		
Isi 2		
Isi 3		
Isi 4		
Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	
	Cadangan	
	Harapan	

* Bilangan isi karangan *mengikut aras murid*.

Analisis soalan, dan kenal pasti TIK

1

TEMA/TAJUK		T
ISU		I
KEHENDAK		K

Bina ayat pendahuluan karangan (THINK)

2

T	Tema/Tajuk	
H	Huraian Tema	
I	Isu	
N	Huraian (Perspektif/ Kesan Negatif)	
K	Kehendak soalan	

Bina ayat penutup karangan (KeCaHa)

3

Kesimpulan		Ke
Cadangan		Ca
Harapan		Ha

Mengembangkan perenggan isi karangan dengan ToHuCoKeP

4

Ayat 1
(To)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Ayat 2
(Hu)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Ayat 3
(Co)

Ayat **Contoh**

Ayat 4
(Ke)

Ayat **Kesan**

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Cadangan Penanda Wacana

	Ayat 1	Ayat 2	Ayat 3	Ayat 4	Ayat 5
ISI 1	Pada pendapat saya,	Hal ini dikatakan demikian kerana	Sebagai contoh,	Impaknya,	Kesimpulannya,
ISI 2	Selain itu,	Dalam konteks ini,	Misalnya,	Kesannya,	Tuntasnya,
ISI 3	Seterusnya,	Hal ini dikatakan demikian kerana	Umpamanya,	Implikasinya,	Pendek kata,
ISI 4	Selanjutnya,	Dalam konteks ini,	Tamsilnya,	Akibatnya,	Izharlah bahawa



Pendahuluan (TIK)	Tema/Tajuk	
	Isu	
	Kehendak Soalan	
*Isi 1		
Isi 2		
Isi 3		
Isi 4		
Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	
	Cadangan	
	Harapan	

* Bilangan isi karangan **mengikut aras murid**.

Analisis soalan, dan kenal pasti TIK

1

TEMA/TAJUK		T
ISU		I
KEHENDAK		K

Bina ayat pendahuluan karangan (THINK)

2

T	Tema/Tajuk	
H	Huraian Tema	
I	Isu	
N	Huraian (Perspektif/ Kesan Negatif)	
K	Kehendak soalan	



Ayat 1
(To)

Ayat 2
(Hu)

Ayat 3
(Co)

Ayat 4
(Ke)

Ayat 5
(P)



Ke

Ca

Ha



1 PENDAHULUAN

- Baru-baru ini,
- Belakangan ini,
- Dewasa ini,
- Kini,
- Pada era globalisasi ini,
- Pada masa ini,
- Sejak dahulu lagi,

6 KESAN

- Implikasinya,
- Impaknya,
- Kesannya,
- Lanjutan daripada,
- Natijahnya,
- Sebagai akibatnya,
- Sehubungan dengan itu,

2 ISI (AYAT TOPIK)

- Di samping itu,
- Lebih-lebih lagi,
- Pada masa yang sama,
- Pada pendapat saya,
- Sementara itu,
- Seterusnya,
- Di samping itu,

7 UNGKAPAN

- ...bak kata peribahasa Melayu
- ...bak peribahasa
- Seperti kata cendekiawan
- Hal ini sama dengan peribahasa

3 MENGAPA?

- Hal ini dikatakan demikian kerana
- Hal ini berlaku kerana
- Hal ini disebabkan oleh
- Hal ini tercetus apabila

8

PENEGAS

- Benarlah bahawa
- Hakikatnya,
- Jelaslah bahawa
- Sewajarnya,
- Tegasnya,
- Tuntasnya,
- Kita mengakui hakikat bahawa

4 BAGAIMANA?

- Dalam konteks ini,
- Dengan berbuat demikian,
- Oleh sebab itu,
- Oleh hal yang demikian,

9

AYAT SETERUSNYA

- Hal ini berpunca daripada
- Hal ini dikatakan demikian kerana
- Hal ini berlaku kerana
- Hal ini terjadi kerana

5 CONTOH

- Sebagai contoh,
- Sebagai Bukti,
- Tamsilannya,
- Biar kita lihat..

10

PENUTUP

- Akhir kata,
- Kesimpulannya,
- Konklusinya,
- Tuntasnya,
- Secara keseluruhan,
- Sebagai penutup bicara,

1

Tema
Tajuk

: Sukan dan Rekreasi
: Hobi

2

Standard Kandungan
Standard Pembelajaran

3.4 Menulis untuk menghasilkan sesuatu penulisan secara terancang.
3.4.2 Menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan yang menepati tema menggunakan laras bahasa yang sesuai dan gramatis.

3

Objektif
Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:
Menghasilkan satu perenggan pendahuluan yang bernas dan gramatis tentang hobi.

4

Kriteria
Kejayaan

Saya dikira berjaya sekiranya dapat:

1. Mengenal pasti Tema (T), Isu (I) dan Kehendak Soalan (K) dengan tepatnya.
2. Menulis satu ayat tema (T) dan satu ayat huraian (H) tentang keselamatan jalan raya.
3. Menulis satu ayat untuk menerangkan isu (I) kemalangan jalan raya dan menghuraikan kesan negatifnya (N) dalam satu ayat yang lain.
4. Menulis ayat kehendak (K).
5. Merangkaikan ayat THINK dengan penanda wacana untuk membentuk satu perenggan pendahuluan yang lengkap.

5

Cadangan Aktiviti
PdPc

1. Set Induksi. Tayangan video aktiviti Hobi. Murid bersoal jawab dengan guru tentang hobi masing-masing.
2. Murid diberi soalan karangan dan seterusnya mencatat maklumat dalam Borang TIK secara berkumpulan.
3. Murid berkongsi hasil perbincangan tentang maklumat dalam Borang TIK melalui aktiviti "Stand And Share".
4. Dengan menggunakan Teknik Meja Bulat, murid membina ayat secara bergilir-gilir untuk melengkapkan Borang Kerangka THINK.
5. Murid memindahkan maklumat dalam Borang Kerangka THINK dengan menggunakan penanda wacana untuk membentuk satu perenggan pendahuluan yang lengkap.
6. Murid menjalankan aktiviti Jelajah Pembelajaran (Gallery Walk) untuk berkongsi hasil kerja dan memberikan penilaian kepada setiap kumpulan.
7. Murid membuat rumusan pembelajaran menggunakan Teknik "Exit Card".

Murid membina ayat untuk dijadikan karangan hobi

6

Latihan Pengukuhan
& Pengayaan

7

Penyerapan Ilmu

Pengisian Kurikulum:

KB- Menjanakan idea

Nilai:

Kasih Sayang

EMK:

NILAI MURNI

BBB:

Borang TIK, Borang
Kerangka THINK,
Komputer, Skrin, Projektor

Penilaian PdPc :

Hasil karangan
murid

8

Refleksi / Impak

.....
.....




MANUAL KECEMERLANGAN BAHASA MELAYU

TEKNIK WATAK



01

TELITI GAMBAR / SOALAN PENULISAN
Teliti gambar / baca soalan bagi memahami kehendak soalan penulisan tersebut.
Bina ayat berdasarkan gambar yang diberikan.



02

LENGKAPKAN MAKLUMAT DALAM JADUAL WATAK
Kenal pasti maklumat daripada gambar yang diberikan dan tulis maklumat tersebut dalam jadual kosa kata di bawah. Aktiviti ini boleh dilakukan secara sumbang saran dalam kumpulan kecil.

Watak	Aktiviti	Tempat	Alat / Keterangan
Pasukan Pengakap	melaksanakan aktiviti perkhemahan	di hutan simpan	untuk mengisi masa lapang.
Rohiman	membersihkan sampah	di kawasan khemah	supaya alam sekitar terjaga
Sazali	mengambil air	di sungai	kerana ingin menjerang air
Rakan yang lain	memasang khemah	di kawasan lapang	agar dapat tidur pada waktu malam
Cikgu Rubi	menyampaikan taklimat	di hadapan murid	agar mereka menjaga keselamatan



LENGKAPKAN PERENGKAN

Hasil maklumat daripada Jadual WATAK, gabungkan semua ayat dan masukkan perenggan pendahuluan dan perenggan penutup.

Masukkan juga penanda wacana dan kata sendi yang tepat.

Watak	Aktiviti	Tempat	Alat / Keterangan
-------	----------	--------	-------------------

Pasukan pengakap	melaksanakan aktiviti perkhemahan	di hutan simpan	untuk mengisi masa lapang.
Rohiman	membersihkan sampah	di kawasan khemah	supaya alam sekitar terjaga
Sazali	mengambil air menggunakan baldi	di sungai	kerana ingin menjerang air
Rakan yang lain	memasang khemah	di kawasan lapang	agar dapat tidur pada waktu malam
Cikgu Rubi	menyampaikan taklimat	di hadapan murid	agar mereka menjaga keselamatan

Hasilnya..

Aktiviti perkhemahan telah dijalankan oleh Pasukan pengakap untuk memupuk semangat bekerjasama. Aktiviti perkhemahan tersebut telah dilaksanakan di hutan simpan untuk mengisi masa lapang. Rohiman membersihkan sampah di kawasan khemah supaya alam sekitar terjaga. **Selain itu**, Sazali mengambil air menggunakan baldi di sungai kerana ingin menjerang air. **Seterusnya**, rakan yang lain memasang khemah di kawasan lapang agar dapat tidur pada waktu malam. **Selanjutnya**, Cikgu Rubi menyampaikan taklimat di hadapan murid agar mereka menjaga keselamatan diri.

1 Kenal pasti maklumat berdasarkan gambar yang diberikan.



2 Tulis maklumat menggunakan jadual WATAK.

Watak	Aktiviti	Tempat	Alat / Keterangan
Kerajaan	menyediakan latihan dan bengkel	secara dalam talian	untuk membantu petani
Kerajaan dengan bantuan MARDI	menjalankan penyelidikan dan pembangunan hasil tani	-	supaya menghasilkan benih yang bermutu
TEKUN	menyediakan modul kepada petani	di kawasan luar bandar	kerana petani menghadapi masalah kewangan
Petani	boleh menghubungi	talian yang tertera	agar mendapat maklumat yang tepat berkaitan dengan kursus.

3 Salin semua perkataan dalam jadual WATAK dalam bentuk perenggan pada ruang di bawah:

Watak	Aktiviti	Tempat	Alat / Keterangan
Kerajaan	menyediakan latihan dan bengkel	secara dalam talian	untuk membantu petani
Kerajaan dengan bantuan MARDI	menjalankan penyelidikan dan pembangunan hasil tani	-	supaya menghasilkan benih yang bermutu
TEKUN	menyediakan modul kepada petani	di kawasan luar bandar	kerana petani menghadapi masalah kewangan
Petani	boleh menghubungi	talian yang tertera	agar mendapat maklumat yang tepat berkaitan dengan kursus.

Perenggan contoh:

Kerajaan menyediakan latihan dan bengkel kepada petani secara dalam talian untuk membantu petani. Kerajaan dengan bantuan MARDI **telah** menjalankan penyelidikan dan pembangunan hasil tani supaya menghasilkan benih yang bermutu. **Selain itu**, TEKUN juga telah menyediakan modul kepada petani di kawasan luar bandar kerana petani menghadapi masalah kewangan. Petani **juga** boleh menghubungi talian yang tertera agar mendapat maklumat yang tepat dan berkaitan dengan kursus.



Bina ayat lengkap berdasarkan gambar di bawah.



Bijak dalam memilih rakan/jangan mudah terpengaruh.

Asertif (berani berkata tidak) – Katakan tidak kepada rokok, dadah dan pergaulan bebas-zina dan hubungan songsang



Dekati ibu bapa, guru atau orang dewasa yang dapat membantu.



Berjumpa dengan kaunselor untuk berkongsi masalah.



Mengikut ajaran agama dengan taat dan patuh.



Tidak melakukan perkara yang melanggar undang-undang.

Tulis maklumat menggunakan jadual WATAK di bawah.

Watak	Aktiviti	Tempat	Alat / Keterangan

Salin semua perkataan dalam bentuk perenggan dalam buku penulisan anda.

Bina ayat lengkap berdasarkan gambar di bawah.



Tulis maklumat menggunakan jadual WATAK di bawah.

Watak	Aktiviti	Tempat	Alat / Keterangan

Salin semua perkataan dalam bentuk perenggan dalam buku penulisan anda.

Watak



Aktiviti



Tempat



**Alat /
Keterangan**

Salin semua perkataan dalam bentuk perenggan dalam buku penulisan anda.

RUJUKAN

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. (2020) *Kit Celik Mengarang Selangor (KCMS)*. Shah Alam Selangor

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. (2021) *Kit Celik Mengarang Selangor (KCMS) - THINK TOHUCOKEP KECAHA: Bahasa Melayu Format Baharu*. Shah Alam Selangor

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

PANEL MANUAL

Dr. Wan Norlidza binti Wan Mohd. Zain

Datin Padlon binti Abdul Rahman

Rusdi bin Mat Nor

Dr Ismaisham bin Ismail

Rubiaton binti Ibrahim

Nurmazura binti Mohd Yunus

Musnia binti Abdullah

Mohd Rohiman bin Subri

Hasfariza binti Abdul Hamid

Ang Ying Chee

Kalyani a/p Murugiah

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Pejabat Pendidikan Daerah Tawau

SMK Malim Nawar, Kinta Selatan

SMK Kampong Soeharto, Hulu Selangor

SMK Seksyen 10 Kota Damansara, Petaling Utama

SMK Dengkil, Sepang